



# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

## LAPORAN LIPUTAN MEDIA

| <b>Isnin, 30 Mei 2022</b> |  |
|---------------------------|--|
| 1                         | Pasukan audit Jakim periksa loji sembelihan di Australia   |
| 2                         | Bekalan ayam di ibu kota stabil walaupun penawaran kurang  |
| 3                         | Telur 'palsu' disahkan tulen   |
| 4                         | Pemansuhan AP tindakan tepat   |
| 5                         | Angkasa bantu atasi masalah kekurangan bekalan ayam  |
| 6                         | Daging korban lonjak RM1,000 satu bahagian<br>-Lembu korban cecah RM7,000 seekor<br>-'Kalau tak naik harga, kami juga yang tanggung rugi'<br>-Lembu 'laris' walau harga kayangan |
| 7                         | 1,034 peniaga ayam telah kene kompaun  |
| 8                         | Cerita harga barang naik harga 'bunuh' kegembiraan sambut Syawal   |
| 9                         | Bekalan ayam di Kuala Lumpur mencukupi   |
| 10                        | Beli ayam  |
| 11                        | -Kartel ayam penasihat kerajaan?<br>-Jangan sembrono soal halal, haram – Mufti Kelantan<br>-Semua pihak perlu MYCC siasat kartel ayam  |
| 12                        | Elak 'bom jangka' industry pengeluaran makanan meletup   |
| 13                        | -Ujian Jabatan Kimia sahkan ada DNA ayam<br>-Bekalan ayam masih stabil, tidak terputus   |
| 14                        | -Charities also hit hard by price hikes<br>-Ample supply of chicken for Kaamatan celebrations  |

DISEDIAKAN OLEH :

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

## Pasukan audit Jakim periksa loji sembelihan di Australia

**Taiping:** Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan menghantar pasukan audit halal bagi melakukan pemeriksaan di semua loji sembelihan dan di Supreme Islamic Council of Halal Meat in Australia Inc (SICHMA) di Australia yang membekalkan daging ke Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Idris Ahmad berkata, pasukan itu akan di-

hantar segera, selepas Sichma selaku badan persijilan halal mengesahkan loji sembelihan Thomas Foods International Lobethal di negara itu, sudah melanggar protokol halal dalam penyembelihan.

"Sebelum Sichma membuat perakuan, kita terus ambil tindakan membatalkan dan menghentikan loji berkenaan sehingga siasatan dilakukan dan hari ini

terbukti Sichma yang bertanggungjawab ke atas persijilan halal, sudah membuat perakuan loji tersebut melanggar persijilan halal," katanya pada sidang media pada Program Bantuan Hari Raya Asnaf-QSR-SPE di KFC Simpang dekat sini.

Pada 13 Mei lalu, kelulusan penyembelihan yang diberikan kepada syarikat yang dikitiraf halal oleh Malaysia di Australia, Thomas Foods In-

ternational Lobethal digantung serta-merta sehingga suatu hasil siasatan menyeluruh diperoleh.

Idris berkata, sejak 13 Mei lalu, produk dari loji berkenaan tidak dibenarkan di import ke Malaysia dan produk dari loji tersebut yang masih ada di pasaran, diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Beliau berkata, pihaknya tidak akan berkompromi de-

ngan perkara melibatkan status halal, dan mana-mana loji yang sembelihan

meragukan boleh terus dilaporkan kepada Jakim untuk siasatan.

**"Sichma yang bertanggungjawab ke atas persijilan halal Idris"**



**Kuala Lumpur:** Bekalan ayam dalam kawasan Parlimen Kuala Lumpur masih stabil dan tidak terputus sepenuhnya walaupun terdapat pengurangan bekalan yang diterima pembekal.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin berkata, pihaknya melaksanakan pemeriksaan secara berterusan dan berkala bagi memastikan bekalan ayam mencukupi di pasar awam, pasar raya dan kedai runcit di Kuala Lumpur sejak isu ini berlaku sehingga hari ini.

Menurutnya, seramai 90 pegawai penguat kuasa serta 83 Pegawai Pemantau Harga (PPH) KPDNHEP Kuala Lumpur sentiasa menjalankan pemantauan dan pemeriksaan berkala meliputi pemborong dan pembekal utama, pasar awam, pasar raya dan kedai runcit.

"Sekiranya terdapat pasar

## Bekalan ayam di ibu kota stabil walaupun penawaran kurang



**Semalam (kelmarin), jumlah bekalan ayam yang dilaporkan adalah berjumlah 37,819 kilogram"**

Ariffin

raya atau peruncit yang tidak mempunyai bekalan melalui pemeriksaan berkala pegawai penguat kuasa dan PPH KPDNHEP akan mengenal pasti punca dan masalah bekalan yang timbul sebelum tindakan segera diambil supaya bekalan dapat dipulihkan.

"KPDNHEP juga sentiasa memantau bekalan ayam dan telur ayam melalui 55 Kedai Runcit Terpilih yang

dilantik dijadikan petunjuk (DDR *Dedicate dRetailer*)," katanya pada sidang media selepas membuat pemantauan bekalan ayam di St Rosyam Mart Setiawangsa di sini, semalam.

Ariffin berkata, premis terbabit dijadikan penunjuk keberadaan bekalan semasa di seluruh Parlimen di Kuala Lumpur.

"Semalam (kelmarin), jumlah bekalan ayam yang dilaporkan adalah berjumlah 37,819 kilogram (kg).

"Hasil pemantauan dilakukan di seluruh Parlimen di Kuala Lumpur juga mendapati bekalan ayam masih stabil dan tidak terputus sepenuhnya walaupun terdapat pengurangan bekalan yang diterima melalui pembekal," katanya.

Beliau berkata, jumlah bekalan didapati semakin pulih berbanding sebelum ini.

"Bekalan telur juga menunjukkan jumlah peningkatan dan trend sama kelmarin iaitu jumlah stok semasa adalah sebanyak 766,595 biji pelbagai gred.

"Kementerian juga melaksanakan Penentuan Harga Maksimum Ayam Dan Telur yang dikawal harga maksimum borong dan runcit sebagai langkah membendung kenaikan harga dan pada masa yang sama menstabilkan harga barangan itu," katanya.

Katanya, KPDNHEP Kuala Lumpur ingin menasihatkan semua peniaga supaya bertimbang rasa dan menjual pada harga yang berpatutan.

"Sekiranya harga kos yang diperoleh menurun, peniaga amat digalakkan menjual pada harga yang lebih rendah daripada kebiasaan," katanya.

# Telur 'palsu' disahkan tulen

*Ujian Jabatan Kimia buktikan ada DNA ayam*

Oleh Muhaamad Hafis  
Nawawi  
mhafis@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**P**ihak Jabatan Kimia mengesahkan kesemua sampel telur ayam yang dihantar untuk pemeriksaan mengandungi asid deoksiribonukleik (DNA) ayam dan ia telur tulen.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur Ariffin Samsudin berkata, pada 16 April lalu, pihaknya menerima aduan daripada seorang pengguna memaklumkan telur ayam yang dibelinya dari sebuah kedai yang menjual barangan keperluan membuat kek dan roti di Petaling Jaya disyaki



*Pihak kami terima aduan seorang pengguna bahawa telur ayam yang dibelinya disyaki tiruan"*

**Ariffin Samsudin**

tiruan berdasarkan teksturnya yang liat umpama getah dan rasanya yang berlainan.

Menurutnya, susulan aduan itu, sepasukan pegawai penguatkuasa KPDNHEP menjalankan siasatan mengikut Seksyen 5(1)(a) Akta Perihal Dagangan 2011.

"Pemeriksaan turut dijalankan di premis pembekal telur ayam dan hasil pemeriksaan mengesahkan

pembekal telur ayam itu ada membekalkan telur ayam kepada premis yang diadakan," katanya pada sidang media selepas membuat pemantauan bekalan ayam di St Rosyam Mart Setiawangsa, di sini, semalam.

Ariffin berkata, kesemua telur ayam yang disita daripada pengadu dan dua rantaian pembekal berkaitan dihantar ke Jabatan Kimia bagi tujuan analisis.

"Jabatan Kimia kemudian mengesahkan bahawa kesemua sampel telur ayam yang dihantar mengandungi DNA ayam dan ia telur tulen.

"Pihak kementerian menghargai aduan yang disalurkan dan berharap orang ramai tidak perlu risau atau panik berkenaan isu telur ayam tiruan," katanya.

# Pemansuhan AP tindakan tepat

Kartel tidak boleh ambil kesempatan, kaut untung berlebihan

Oleh NURHIDAYAH HAIROM

SHAH ALAM

**K**ewujudan kartel makanan menguasai pasaran tempatan sehingga mampu memanipulasi harga demi kepentingan mereka bukan perkara baharu khususnya melibatkan makanan yang mendapat permintaan tinggi dalam pasaran.

Gerakan kartel yang disebut-sebut ini juga merupakan pemegang permit import (AP) yang dikeluarkan kerajaan sebagai kebenaran melaksanakan proses import makanan untuk memampung permintaan makanan dalam pasaran negara.

Mereka ini juga sebenarnya secara tidak langsung membantu masyarakat dalam membuat pilihan pembelian.

Meskipun begitu, disebabkan kelebihan pada pemegang AP ini, terdapat pihak tidak bertanggungjawab yang hanya mementingkan keuntungan sendiri tanpa memikirkan kepentingan masyarakat secara keseluruhannya.

Ini boleh dilihat berdasarkan isu bekalan daging lembu dan ayam misalnya, apabila pengguna terpaksa berdepan dengan masalah bekalan yang meragukan.

Kes penyeludupan daging lembu import diragui status halalnya untuk dijual di pasaran halal tempatan angara kartel daging yang dibongkarkan sebelum ini adalah isu paling memberi kesan kepada pengguna khususnya umat Islam yang merupakan kelompok terbesar di negara ini.

Selain itu, isu terbaharu apabila pengguna juga terpaksa berdepan masalah bekalan ayam sehingga permintaan melebihi penawaran di pasaran seterusnya menyebabkan peningkatan harga yang membebaskan pengguna.

Sedangkan pemegang-pemegang AP sedia ada sepatutnya berkeupayaan untuk membantu menambah bekalan di pasaran dan masalah bekalan ayam tidak sepatutnya wujud.

Pelbagai modus operandi yang 'se-ngaia' dilakukan kartel demi mengawal



Masalah bekalan ayam sehingga mengakibatkan permintaan melebihi penawaran di pasaran menyebabkan peningkatan harga yang membebaskan pengguna.



AHMED RAZMAN



AHMAD AZRIN

bekalan pasaran telah menimbulkan perdebatan sehingga kerajaan mengambil langkah drastik dengan memansuhkan AP bagi bahan makanan berkuat kuasa serta-merta demi ke arah penyelesaian masalah yang hadapi pengguna.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang mengumumkan perkara itu pada 18 Mei lalu berkata, dengan pemansuhan AP, sesiapa sahaja boleh mengimport makanan dari luar negara.

"Kita buka kepada sesiapa sahaja untuk mengimport bahan makanan untuk masuk ke negara kita. Kalau dulu ada AP lembu, daging dan macam-macam lagi, mulai hari ini tiada AP lagi diperlukan berkuat kuasa serta-merta," katanya.

Keputusan pemansuhan AP itu telah mencetuskan reaksi pelbagai pihak yang kebanyakannya menyambut baik langkah tersebut meskipun menyifatkan ia sekadar untuk jangka masa pendek.

## Manfaat kepada PKS

Penyarah Kanan Fakulti Perniagaan dan Pengurusan Universiti Sultan Zainal Abidin, Profesor Madya Dr Ahmad Azrin Adnan juga tidak menafikan kepentingan pemansuhan AP ketika ini demi menyelesaikan masalah bekalan makanan dalam negara.

Langkah itu juga katanya, bakal memberi kesan kepada kumpulan kartel yang selama ini mengaut keuntungan berlebihan kerana memonopoli pasaran.

**J**adi apabila AP dimansuhkan, kartel-kartel ini akan terkesan kerana ia akan mengurangkan keuntungan kartel untuk jangka masa sederhana disebabkan banyak pihak boleh mengimport makanan."

- Ahmad Azrin

"Kartel adalah isu yang sukar untuk diselesaikan kerana tiada pihak mengaku mereka kartel. Mereka ini mengaut keuntungan yang besar dan sepatutnya jika dimanfaatkan dengan betul, mereka sebenarnya boleh bantu rakyat (dengan mengurangkan harga). Namun ia tidak berlaku.

"Jadi apabila AP dimansuhkan, kartel-kartel ini akan terkesan kerana ia akan mengurangkan keuntungan kartel untuk jangka masa sederhana disebabkan banyak pihak boleh mengimport makanan," katanya.

Jelas beliau lagi, selain itu pemansuhan AP yang dapat membantu menstabilkan bekalan makanan dalam negara juga bakal memberi manfaat kepada golongan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Menurutnya, apabila bekalan makanan sudah stabil, bekalan untuk golongan PKS juga akan menjadi stabil sekali gus membantu kelangsungan perniagaan mereka.

Beliau pada masa sama percaya, kerajaan mempunyai mekanisme sewajarnya berkaitan kaedah kemasukan makanan

import yang dijangka bertambah untuk tempoh tiga bulan akan datang.

"Namun, lambakan bekalan dalam negara sebenarnya tidak memberi jaminan kepada penurunan harga kerana terdapat banyak faktor luar kawalan termasuk sekiranya jumlah permintaan masih lagi kekal tinggi berbanding penawaran," katanya.

## Kawalan harga

Pakar Ekonomi daripada Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmed Razman Abdul Latiff juga senada dalam isu kesan harga barangan makanan di pasaran selepas AP dimansuhkan.

Katanya, walaupun AP makanan dimansuhkan, ia tidak semestinya akan menyebabkan harga daging lembu dan ayam import diturunkan kerana fenomena harga barang naik adalah isu global dan seluruh dunia mengalami kesan kenaikan harga barang.

"Cuma sekurang-kurangnya dengan pemansuhan AP ini, pemegang AP tidak akan dapat mengambil kesempatan mengenakan harga yang lebih tinggi daripada sepatutnya.

"Selain itu, kerajaan harus memastikan selepas pemansuhan AP import makanan ini, proses import ditambah baik supaya ia lebih telus," katanya.

Ujarnya, pemansuhan AP yang sepatutnya menguntungkan pembeli hanya bersifat penyelesaian jangka pendek jika negara masih bergantung kepada makanan import.

"Jika harga makanan import kekal tinggi, maka kita akan terus berdepan dengan harga makanan yang tinggi.

"Untuk jangka masa panjang, kita harus mula menghasilkan makanan sendiri supaya tidak mudah terkesan dengan harga makanan import," katanya.

## Angkasa bantu atasi masalah kekurangan bekalan ayam

PETALING JAYA - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) telah meluluskan RM14.26 juta untuk Projek Pembangunan Perniagaan Koperasi dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Angkasa (MAPA) ke-36 pada Sabtu.

Presiden Angkasa, Datuk Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, peruntukan tersebut akan digunakan dalam enam projek baharu termasuk untuk membantu kerajaan meningkatkan pengeluaran bahan makanan dalam negara.

Menurutnya, projek baharu tersebut turut merangkumi penternakan ayam untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan dan kebergantungan import bekalan ayam.

"Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi, hanya terdapat 19 buah koperasi yang terlibat secara besar-besaran keluarkan ayam.

"Namun hanya ada beberapa koperasi kecil yang keluarkan ayam dalam kuantiti yang sedikit. Koperasi ini yang kita akan memperkasakan dengan memastikan mereka dapat mengeluarkan ayam dengan lebih banyak.

"Kami yakin dapat membantu kerajaan dalam situasi ini dan kita akan fokus kepada segmen koperasi tanpa mengganggu pasaran terbuka," katanya dalam sidang akhbar Mesyuarat Agung MAPA ke-36 pada Sabtu.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan,



Abdul Fattah (empat dari kanan) selepas sidang akhbar Mesyuarat Agung Perwakilan Angkasa (MAPA) ke-36 pada Sabtu.

kan, projek tersebut akan dilaksanakan dalam tempoh 18 bulan dan akan mengenal pasti jumlah koperasi yang diperlukan.

"Berdasarkan kepada statistik, seorang rakyat Malaysia secara puratanya memakan dua ekor ayam sebulan sekali gus menyaksikan pasaran memerlukan 14 juta ekor ayam sebulan dalam sektor koperasi.

"Jadi kami akan melihat berapa banyak koperasi yang diperlukan untuk mengeluarkan sekurang-kurangnya 5,000 ekor ayam sebulan," katanya.

Selain projek ayam, Angkasa me-

**K**ami yakin dapat membantu kerajaan dalam situasi ini dan kita akan fokus kepada segmen koperasi tanpa mengganggu pasaran terbuka."

rancang membina kilang memprosesan, pembungkusan dan pemborongan beras jenama Melati, usahasama penanaman melon serta empat projek pembangunan

perniagaan (Inkubator).

Dalam mesyuarat agung tersebut juga, turut berlangsung pemilihan Angkasa yang menyaksikan Abdul Fattah berjaya mempertahankan kerusi presiden dengan mendapat 1,468 undi.

Selain itu, Mohd Azlan Yahya pula dipilih sebagai Anggota Lembaga Angkasa manakala Norizah Abdullah, Asruddin Abas, Dr Razali Hassan, Abdul Kadir Jailani Ismail, Alimen Ahmad dan Ahmad Masri Abdul Rasid dipilih sebagai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Angkasa.

## Daging korban lonjak RM1,000 satu bahagian

**Orang ramai tidak berkira soal kos asalkan dapat laksanakan ibadah**

UMAT Islam yang ingin melaksanakan ibadah korban pada tahun ini perlu membiayai antara RM650 hingga RM1,000 bagi satu bahagian daging lembu susulan peningkatan mendadak harga ternakan itu di pasaran tempatan sejak kebelakangan ini.

Berdasarkan tinjauan Kosmo, rata-rata harga

lembu yang dijual oleh penternak mengalami kenaikan kepada sekitar RM5,500 hingga RM7,000 seekor bergantung kepada saiz haiwan berkenaan.

"Dahulunya, harga paling tinggi bagi satu bahagian hanya RM450 hingga RM700, tetapi kini boleh mencecah RM1,000. Bagaimanapun, ramai yang

telah membuat tempahan kerana mereka sebelum ini tidak berpeluang untuk melaksanakan ibadah itu akibat penularan Covid-19," kata seorang penternak, Awang Mohd, 45, dari Kampung Tepoh, Kuala Nerus, Terengganu.

• LAPORAN PENUH DI MUKA 2 & 3

# Penternak terpaksa naikan harga ekoran permintaan tinggi, tampung kos operasi Lembu korban cecah RM7,000 seekor

**PETALING JAYA** – Umat Islam yang berahaj untuk melaksanakan ibadah korban pada tahun ini mungkin perlu berbelanja lebih apabila harga semasa bagi seekor lembu di pasaran tempatan telah meningkat mencecah RM7,000 seekor.

Peningkatan itu dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk kos makanan ruminan haiwan ternakan itu selain permintaan tinggi daripada orang ramai.

Berbanding sebelum ini, harga bagi lembu bersaiz sederhana adalah sekitar RM4,500 hingga RM5,000 seekor, tetapi meningkat kepada RM6,500 sehingga RM7,000 ketika ini.

Ini bermakna, satu bahagian daging lembu adalah bernilai antara RM850 hingga RM1,000.


Di **Kuala Nerus, Terengganu**, seorang penternak, Awang Mohd, 45, berkata, kekurangan lembu tempatan selain kejatuhan nilai ringgit dan kos makanan ruminan menjadi punca kenaikan harga bagi haiwan ternakan itu.

"Kami terpaksa bawa masuk lembu dari Thailand bagi menampung permintaan untuk ibadah korban tahun ini.

"Kelemahan ringgit menyebabkan lembu dari negara jiran kini lebih mahal berbanding tahun lalu," katanya.

Bagi Sumani Mohammad, 60, pula, dia terpaksa mengikut harga pasaran yang ditentukan oleh pemalim industri pada masa ini.

Katanya, seekor lembu tempatan berusia dua tahun setengah bersaiz sederhana boleh dijual



PERMINTAAN tinggi selain kenaikan kos makanan ruminan lembu menyebabkan harga haiwan ternakan itu meningkat menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha.

sehingga RM6,000.

"Memang ada kenaikan untuk mengerjakan ibadah korban pada tahun ini iaitu RM700 hingga RM900 sebahagian mengikut berat dan jenis lembu," jelasnya.

Di **Bentong, Pahang**, kenaikan harga lembu khususnya untuk ibadah korban pada tahun ini tidak menjejaskan permintaan haiwan itu daripada orang ramai.

Seorang penternak, Zainul Zaman Mahalim, 58, berkata, ke-

naikan kos termasuklah harga dedak yang menunjukkan trend peningkatan beberapa kali menyebabkan dia terpaksa menaikkan harga lembu.

Katanya, pada masa ini, lembu yang biasanya dijual pada harga RM3,500 hingga RM4,000 seekor kini terpaksa dijual RM5,000 seekor, manakala yang sebelum ini dijual pada harga RM5,000, kini melonjak kepada RM7,000.

"Walaupun mengalami kenaikan harga, namun permintaan

lembu untuk korban terus meningkat dan saya tidak dapat menampung semua permintaan," katanya.

Di **Batu Pahat, Johor**, golongan penternak lembu di negeri ini mengahui harga pasaran haiwan itu terpaksa dinaikkan menjelang Hari Raya Aidiladha.

Seorang penternak dari Parit Sulong, Mohamad Ikhwani Ismail, 32 berkata, kenaikan harga lembu berlaku disebabkan kos operasi yang semakin meningkat khu-

rusnya harga bekalan makanan seperti hampas soya.

"Sejujurnya akan ada peningkatan harga jualan lembu berbanding Aidiladha tahun lalu kerana kami juga perlukan modal untuk pusing semula perniagaan ini," katanya.

Di **Sungai Petani, Kedah**, harga lembu di negeri ini merekodkan peningkatan 20 peratus iaitu mencecah RM6,000 seekor.

Peniaga daging lembu dikenali Adnan berkata, dia telah dimaklumkan oleh rakannya yang mempunyai perlembuan lembu supaya bersedia berdepan dengan kenaikan harga ternakan itu dalam masa terdekat.

"Kawan saya memaklumkan kenaikan harga lembu import tidak dapat dielakkan kerana penternak berdepan masalah harga makanan yang tinggi.

"Disebabkan harga lembu import tidak menentu, saya bercadang untuk mencari lembu tempatan bagi menampung permintaan," katanya.

Seorang lagi peniaga lembu yang mahu dikenali sebagai Puan berkata, setiap kali musim korban dia menjual kira-kira 900 ekor lembu kepada pihak masjid dan orang perseorangan.

"Berbeza kali ini apabila hanya 500 ekor lembu yang telah ditempah.

"Kami peniaga lembu tidak boleh sesuka hati membeli ternakan itu untuk dijadikan stok, sebaliknya membuat pesanan selepas menerima tempahan dan deposit," katanya.

## 'Kalau tak naik harga, kami juga yang tanggung rugi'

**PONTIAN** – Tindakan menaikkan harga lembu bagi tujuan korban pada tahun ini bukanlah semata-mata untuk meraih keuntungan, tetapi bagi mengimbangi kos yang telah dilaburkan golongan penternak.

Malah, rata-rata penternak turut memberi jaminan bahawa kualiti lembu korban yang dijual tahun ini adalah yang terbaik.

Seorang penternak, Abd. Samad Samiran, 49, berkata, pada tahun ini harga seekor lembu bagi tujuan ibadah korban dijual mencecah RM6,500 hingga RM7,000 seekor, berbanding RM4,500 hingga RM5,000 pada

tahun lalu.

Katanya, bersesuaian dengan harga setinggi RM6,500 seekor, dia memberikan jaminan bahawa setiap seekor lembu yang dijual itu mampu mengeluarkan 100 kilogram daging lembu kepada pembeli.

"Memandangkan tiada pembelian lembu dari luar pada tahun ini, tempahan yang saya telah diterima setakat ini 11 ekor lembu sahaja dan menjangka hanya sekitar 20 hingga 25 ekor menjelang Hari Raya Aidiladha nanti," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Tambah Abd. Samad, dia ber-

harap pembeli secara individu dan berkelompok dapat memahami situasi ketika ini, terutama mengenai harga lembu korban.

Seorang penternak di Shah Alam, Selangor, Mohd. Razali Umis, 62 berkata, kenaikan itu tidak dapat dielakkan kerana beberapa faktor.

"Tahun ini, kami (penternak) tiga kali berdepan kenaikan dedak yang memberi impak kepada kos ternakan yang mahal.

"Selain itu, kos berkenaan termasuk ubat-ubatan dan penyakit lembu yang sekali gus menyebabkan harga terpaksa dinaikkan tahun ini," katanya.



PENTERNAK, Mazlan Ismail (kanan) dan Mokhtar Abdul Rahman memberi makan lembu ternakan di Kampung Pohon Tanjung, Tumpat.

# Orang ramai tak kisah berbelanja lebih, tetap mahu lunaskan niat tertangguh dua tahun Lembu 'laris' walau harga kayangan

Oleh HARISS FADILAH AHMAD, TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF dan NUR ALINA HASSAN

**PETALING JAYA** – Biar pun harga lembu korban mencecah antara RM5,000 hingga RM7,000 seekor, namun ia tidak menjejaskan permintaan terhadap haiwan ternakan berkenaan sempena Hari Raya Aidiladha bulan depan.

Kenaikan harga itu dikatakan tidak menjadi penghalang malah rata-ratanya bersedia untuk mengeluarkan belanja lebih sehingga RM1,000 satu bahagian.

Bagi mereka, semuanya kerana mahu melunaskan hajat yang tertangguh sejak dua tahun lalu.

Di **Muar**, seorang warga emas, Noriah Kassim, 65, memberitahu, dia dan keluarga telah lama merancang untuk melaksanakan ibadah korban dan kenaikan harga tidak menghalang mereka untuk meneruskan niat itu.

"Keputusan ini (laksana korban) merupakan perbincangan bersama anak dan menantu saya. Kami dah sepakat nak buat korban dua ekor lembu melibatkan 14 orang termasuk suami dan lima anak serta menantu.

"Anak-anak bercadang mahu membuat korban sebab mereka nak memanfaatkan kesempatan masa yang ada memandangkan mereka semua belum menyempurnakan ibadah itu," katanya kepada *Kosmo!* di sini.

Menurutnya, kenaikan harga lembu telah dimaklumkan beberapa bulan lalu, namun keluarga Noriah sepakat untuk meneruskan hasrat berkenaan.

"Mak Cik tahu naik harga dalam RM500 hingga RM1,000 bagi seekor lembu, tapi kami buat jugalah sebab kalau tangguh, tahun akan datang makin naik harga lagi.

"Kalau tak buat rasa rugi jadi kami teruskan juga sementara



MOHD, SAIFUL sedang memantau lembu ternakannya yang telah ditempah untuk ibadah korban di Kampung Tok Jiring, Kuala Nerus.



HARGA satu bahagian lembu korban yang dijual sehingga RM1,000 tidak menghalang orang ramai melaksanakan ibadah berkenaan.

ada masa dan umur," luahnya.

Berkongsi pandangan sama di **Jerantut**, seorang penduduk Felda Tekam Utara, Anuar Rahman, 59, berkata, dia dan rakan-rakannya sanggup membayar dengan harga yang tinggi walaupun mencecah lebih RM1,000 satu bahagian.

Katanya, dia sedang mencari lembu untuk dibuat korban.

"Penduduk yang tidak berkesempatan mengadakan majlis korban sejak dua tahun lalu berikutan pandemik Covid-19 sanggup berbelanja lebih untuk mengisi slot korban termasuk akikah pada kali ini.

"Kali ini satu bahagian korban boleh mencecah lebih RM500

dan di sesetengah tempat penduduk sanggup berbelanja hingga RM1,000 susulan permintaan yang tinggi menyebabkan kenaikan harga ternakan," ujarnya.

Menurutnya meskipun kebiasaan harga minimum satu bahagian lembu sekitar RM400, namun dia menjangkakan kenaikan pada saat-saat akhir menjelang Aidiladha.

Malah katanya, harga berkenaan boleh berubah apabila lembu terpaksa dibeli daripada penternak luar.

Sementara itu di **Kuala Nerus**, rata-rata penternak ditemui memberitahu, permintaan terhadap lembu korban dijangka terus meningkat menjelang akhir bulan depan.

Salah seorang penternak, Mohd. Saiful Hafiz Alias, 42, berkata, setakat ini, dia telah menerima tempahan sebanyak 120 ekor lembu bagi ibadah korban sejak bulan lalu.

Menurutnya, berdasarkan trend semasa ini, dia menjangkakan dapat menjual 200 ekor lembu korban musim ini.

Katanya, kebanyakan tempahan untuk lembu korban diterima daripada pengurusan masjid dan orang perseorangan dari seluruh Terengganu.

"Peningkatan tersebut didorong faktor negara yang kini berada pada fasa peralihan ke endemik.

"Dua tahun lepas, banyak kekurangan, namun ini prosedur operasi standard (SOP) ibadah korban dijangka dilonggarkan.

"Bagaimanapun katanya, kenaikan ini disebabkan penternak ambil kesempatan tetapi memang harga lembu korban terpaksa dinaikkan tahun ini atas pelbagai faktor," katanya ketika ditemui di kandang lembunya di Kampung Tok Jiring di sini baru-baru ini.

**TARIKH**

30.5.2022

**MEDIA**

KOSMO

**RUANGAN**

NEGARA

**MUKA SURAT**

6



ROSOL (kanan) ketika hadir majlis sambutan Aidilfitri KPDNHEP Terengganu di Kuala Terengganu semalam.

KPDNHEP menyita barangan bernilai RM133,000

## 1,034 peniaga ayam telah kena kompaun

Oleh TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF

**KUALA TERENGGANU** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengeluarkan 1,034 notis kesalahan terhadap peniaga ayam dan telur ayam sepanjang pelaksanaan Penentuan Harga Maksimum (PHM) mulai 5 Februari lalu.

Timbalan Menteri KPDNHEP Datuk Rosol Wahid berkata, nilai keseluruhan kompaun terhadap pemborong dan peniaga itu berjumlah RM256,000 selain sitaan barangan bernilai RM133,000.

"Sebanyak 882 kes melibatkan kegagalan peniaga mempamerkan tanda harga khas, menjual melebihi harga maksimum (111 kes) dan tiada tanda harga (4) kes.

"Sepanjang tempoh tersebut, pasukan penguat kuasa Kementerian menjalankan pemeriksaan di 66,375 premis termasuk 68,245 di peringkat runcit, pemborong (1,117) dan peringkat pengeluar (13)," katanya ketika ditemui pada majlis sambutan Aidilfitri KPDNHEP Terengganu di sini semalam.

Hadir sama Pengarah KPDNHEP negeri, Saharuddin Mohd. Kia.

Dalam pada itu, Rosol turut mengingatkan pemborong dan peniaga agar tidak mengambil kesempatan menaikkan harga jualan melebihi maksimum ditetapkan dalam tempoh minggu-minggu terakhir PHM ini.

"Kita sering terima aduan pengguna dan tindakan terus diambil terhadap peniaga yang ingkar mematuhi harga maksimum ditetapkan.

"KPDNHEP juga akan memastikan gangguan bekalan ayam dan minyak petrol yang terjadi pada bulan Aidilfitri ini tidak berulang menjelang Hari Raya Aidiladha pada awal bulan Julai," katanya.

# Cerita harga barang naik harga 'bunuh' kegembiraan sambut Syawal

SAUDARA PENGARANG,

**ESOK** merupakan hari terakhir bulan Syawal yang menandakan tamat sudah perayaan meraikan Aidilfitri.

Walaupun syariat menetapkan Aidilfitri hanya sehari iaitu pada 1 Syawal, tetapi sudah menjadi kelaziman dan adat masyarakat Islam Malaysia meraikannya sehingga sebulan.

Sepanjang Syawal ini, jemputan rumah terbuka dan jamuan hari raya diterima di sana sini tidak kira hari kerana masing-masing sudah dua tahun tidak dapat berbuat demikian ekoran Perintah Kawalan Pergerakan.

Berbagai kejadian luar jangka berlaku pada Syawal tahun ini. Ibu negara yang lengang setiap kali musim perayaan tetap sesak dengan kenderaan.

Ayam habis di pasaran ekoran ketiadaan stok yang akhirnya membawa kepada kenaikan harga. Upah potong ayam yang dahulunya percuma kini mencecah RM1.50.

Tidak cukup dengan itu, bekalan ikan juga semakin kurang di pasar-pasar atas faktor cuaca selain kos pengangkutan yang semakin mahal.

Gembira dapat meraikan Aidilfitri bersama keluarga



**AYAM** merupakan makanan yang sering mengalami 'perang' harga ekoran pelbagai faktor. — GAMBAR HIASAN

rupa-rupanya disulam pula dengan kenaikan harga barang termasuklah lonjakan tambang bas sekolah.

Kami selaku rakyat marhaen hanya mampu menelan segala kenaikan dengan rasa tak puas hati.

Walaupun segala luahan dan bantahan dicoretkan di media sosial, namun ia langsung tidak memberi kesan kerana pada pemain industri, suara marhaen ini seumpama anjing menyalak bukit.

Rakyat hanya menaruh harapan kepada kerajaan untuk

mengekang kenaikan gila yang sedang berlaku ini. Kejatuhan ringgit berbanding dolar sangat merisaukan kerana mengundang inflasi.

Roti canai kosong yang dahulunya berharga 50 sen sekeping kini mencecah RM1.80 di sesetengah kedai.

Tahniah kepada seorang penebar roti canai di Melaka yang masih mengekalkan harga 50 sen demi kebajikan pelanggan-pelanggannya.

**BENCI SCAM RAYA,**  
Sungai Merab, Kajang

# Bekalan ayam di Kuala Lumpur mencukupi

**KUALA LUMPUR** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan terus menjalankan pemeriksaan secara berkala bagi memastikan bekalan ayam mencukupi di pasar awam, pasar raya dan kedai runcit.

Pengarah KPDNHEP Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin berkata, seramai 90 penguat kuasa serta 83 Pegawai Pemantau Harga (PPH) menjalankan pemeriksaan secara berterusan ke atas pemborong dan pembekal ayam sejak isu kekurangan bekalan dilaporkan.

Menurutnya, setakat ini pemeriksaan mendapati bekalan ayam di sekitar Kuala Lumpur masih stabil dan tiada laporan terputus bekalan.

“Sekiranya pemantauan dilakukan dan mendapati terdapat premis yang mengalami masalah bekalan, pegawai KPDNHEP akan mengenal pasti punca dan masalah bekalan

yang timbul supaya tindakan segera dapat diambil,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melakukan tinjauan bekalan ayam dan telur di ST Rosyam Mart di sini semalam.

Dalam pada itu, Ariffin memberi amaran kepada penjual agar tidak menaikkan harga jualan ayam termasuk dengan sengaja menyebabkan kekurangan bekalan bahan mentah berkenaan.

Katanya, tindakan tegas mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 121) dan (Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974) akan diambil bagi mereka yang terlibat dengan aktiviti menyorok, menyimpan atau mensabotaj bekalan ayam.

Jelas Ariffin, individu yang terlibat dan didapati bersalah akan didenda tidak melebihi RM1 juta atau hukuman penjara selama tiga tahun, manakala syarikat berdepan tindakan didenda tidak melebihi RM2 juta.



**Beli ayam**

PENGGUNA berkunjung ke Pasaraya ST Rosyam Mart, Setiawangsa bagi mendapatkan keperluan harian mereka ketika tinjauan harga dan bekalan ayam di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

# Kartel ayam penasihat kerajaan?

Oleh FAHMI FAIZ  
fahmi.faiz@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Wakil kartel industri ayam didakwa terlibat dalam menasihati kerajaan mengenai selok-belok industri ternakan itu sehingga menimbulkan pelbagai persoalan mengenai kemungkinan kerjasama tersebut akan menggagalkan usaha memulihkan sektor penting makanan negara itu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang), Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, tindakan sebegini membuktikan kartel ayam masih berpengaruh dalam menentukan polisi berkaitan industri ayam.

"Saya kecewa wakil kartel ayam dilantik menganggotai Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) yang menasihati Menteri Pertanian dan Industri Makanan mengenai jaminan bekalan makanan.

"Tindakan ini sekali lagi membuktikan pengaruh kartel tersebut dalam strategi dan penggubalan dasar kerajaan sedia ada," katanya tanpa menam-



**KERAJAAN** dicadangkan menubuhkan lembaga unggas dengan diberi kuasa bagi menyekat monopoli kartel dalam industri ayam, sekaligus memastikan bekalan sentiasa cukup dalam pasaran. - UTUSAN/ AMIR KHALID

akan siapa kartel dimaksudkan.

Ditanya tentang asas dakwaan itu, Mukhriz berkata: "Yang itu kena siasat sendiri. Isunya, pihak yang menghadapi masalah ialah penternak. Mana wakil mereka dalam MPPN?"

Untuk rekod, pada 25 Mei lalu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mengadakan satu mesyuarat khas bersama MPPN secara hibrid.

Dalam satu kenyataan, MAFI berkata, MPPN bertindak seba-

gai penasihat kepada Menteri MAFI bagi mengenal pasti isu-isu berkaitan sekuriti makanan negara.

MPPN juga dinyatakan berperanan menyumbang pandangan serta cadangan yang sesuai

bagi memacu hala tuju sektor agromakanan mengikut perkembangan dan keperluan semasa.

*Utusan Malaysia* difahamkan, keahlian MPPN bagi sesi 2021/2022 terdiri daripada 15 ahli merangkumi wakil pemain gergasi industri ayam, pakar ekonomi serta ahli akademik.

Mengulas lanjut, Mukhriz berkata, kerajaan perlu serius dan segera menubuhkan sebuah lembaga khas untuk mengawal selia industri ayam dan unggas bagi membebaskan cengkaman pihak swasta yang menguasai sektor penting makanan.

"Saya lihat pendekatan yang diguna pakai kerajaan kini lebih memihak kepada kartel, pengeluar anak ayam dan makanan ayam.

"Penternak dan peniaga, dan seterusnya pengguna sentiasa tertekan dengan kenaikan kos yang tidak munasabah yang menyebabkan keuntungan menyusut, dan bekalan yang tidak mencukupi," kata beliau.

Mukhriz kemudian berkata, kerajaan perlu segera menubuhkan sebuah lembaga unggas yang diberi kuasa untuk menyelesaikan isu bekalan ayam.

## Jangan sembrono soal halal, haram - Mufti Kelantan

**PETALING JAYA:** Umat Islam khususnya pihak berkuasa agama tidak boleh mengambil mudah soal halal dan haram apatah lagi sumber makanan yang bersempitan rujukan al-Quran serta hadis sebagai panduan kehidupan bersyariat.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad berkata, justeru haiwan ternakan yang disembelih wajib dipastikan mengikut hukum syarak dan bukannya sembrono dalam soal halal haram sehingga menjadi sumber makanan umat Islam.

Beliau berkata, haiwan ternakan yang disembelih perlu dipastikan mengikut hukum syarak dan bukannya mematikannya terlebih dahulu sebelum disembelih.

"Kalau benar dakwaan itu bahawa haiwan dilemaskan sebelum disembelih, maka hukumnya haram. Perkara ini perlu berdasarkan keadaan akhir di dalam haiwan tersebut, sama ada lemas atau hidup. Jika di-

## SICHMA sahkan tak halal

**Audit mengejut** di rumah sembelih TFI menemukan pelanggaran protokol halal

SICHMA telah melakukan audit terhadap rumah sembelih TFI di Petaling Jaya. Hasil audit menunjukkan pelanggaran protokol halal yang berlaku di rumah sembelih tersebut.

Audit dijalankan oleh SICHMA pada 23 Mei 2022. Hasil audit menunjukkan pelanggaran protokol halal yang berlaku di rumah sembelih tersebut.



sembelih masih hidup, hukum halal.

"Hukum halal dan haram ini adalah soal antara manusia dengan Allah, tetapi sebagai ulama dan pihak berautoriti perlulah dipastikan segala sembelihan mengikut hukum syarak. Soal halal haram bukan sahaja makanan malah aspek lain yang menyentuh aspek kehidupan seharian," katanya.

Kelmarin, Islamic Council of Halal Meat in Australia Inc. (SICHMA) mengesahkan rumah sembelihan Thomas Food Industries (TFI) di Australia melanggar protokol halal dalam proses penyembelihan seperti didedahkan *Utusan Malaysia*.

SICHMA selaku badan pensijil halal yang bertanggungjawab dalam penyediaan halal ke atas

loji sembelihan mengesahkan perkara itu selepas badan tersebut menjalankan audit mengejut ke atas TFI pada 23 Mei lalu.

TFI turut membekalkan daging kambing ke Malaysia.

Dalam pada itu, Mohamad Shukri mengesahkan umat Islam yang ragu-ragu terhadap status daging tersebut agar tidak memakannya dengan mengambil kira hukum syubhah sehingga dipastikan bahan itu halal atau sebaliknya.

## Semua pihak perlu bantu MYCC siasat kartel ayam

**PETALING JAYA:** Semua pihak perlu membantu siasatan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bagi membongkarkan modus operandi kartel ayam seterusnya mengerhet mereka ke muka pengadilan.

Sumber yang terlibat membantu siasatan MYCC berkata, pihaknya telah menyerahkan pelbagai bahan bukti bagi membantu melengkapkan siasatan tersebut.

"Kita bekerjasama dengan MYCC dalam usaha mendedahkan kegiatan kartel ini.

"Kita sudah serahkan dokumen kepada pihak mereka termasuk penyata integrator, invoice dan notis daripada kartel yang menyatakan harga anak ayam, makanan dedak dan sebagainya.

"MYCC beri jaminan mereka akan siasat, dan sudah menjalankan siasatan secara terperinci. Malah, mereka sudah panggil wakil-wakil gergasi industri ayam untuk bantu siasatan," kata sumber kepada *Utusan Malaysia*.

Sumber mendakwa, pihak

kartel setakat ini tidak memberikan kerjasama kepada MYCC, sebaliknya menghanjak ejen untuk mendapatkan maklumat tentang gerak kerja siasatan bagi memintas proses siasatan tersebut.

"Saya ada terbaca, ada antara kartel itu bekerjasama. Tapi saya tak rasa mereka itu bekerjasama. Yang saya dengar ada satu sumber beritahu bahawa kartel-kartel ini tak mahu bekerjasama. Ini cerita dulu, sewaktu *Utusan Malaysia* mula-mula dedahkan pasal kartel ayam.

"Sumber itu beritahu saya, masa awal siasatan itu kononnya mereka (kartel) datang untuk bekerjasama. Tapi kemudian bila mereka tahu pergerakan MYCC, mereka terus hilang," dakwa sumber.

Pada 23 Mei, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan menyedari mengenai laporan kewujudan kartel dalam industri ternakan ayam negara, dan siasatan serta tindakan susulan akan diambil.

# Elak 'bom jangka' industri pengeluaran makanan meletup

Oleh M Hifzuddin Ikhsan  
hifzuddin@bh.com.my



Wartawan BH

**Siapa** sangka negara boleh berhadapan dengan masalah kekurangan bekalan ayam kerana selama ini pengeluar tempatan bukan sahaja mampu menampung permintaan pasaran, malah turut mengeksportnya kepada pengguna di negara jiran Singapura.

Mengikut data Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MAFI), purata keperluan daging ayam di negara ini berjumlah 2.09 juta ekor sehari dengan 62.9 juta ayam diperlukan bagi pasaran tempatan sebulan.

Bagaimanapun, data Jabatan Veterinar mula mengesan penurunan pengeluaran ayam sejak Oktober 2021 apabila hanya 52 juta ekor dikeluarkan, sebelum pengeluaran terus menurun kepada 51.4 juta pada November.

Pengeluaran ayam sebenarnya meningkat kepada 61.1 juta pada Disember lalu, namun masih belum mencapai keperluan sebenar 62.9 juta bagi menampung permintaan yang sepanjang masa sememangnya tinggi.

Akibatnya, pengguna gagal mendapat bekalan ayam mencukupi mula membuat pelbagai andaian dan melemparkan tuduhan kepada penternak ayam didakwa sengaja enggan meningkatkan pengeluaran hingga ke tahap dakwaan wujud kartel dalam industri ternakan.

Hakikatnya, penternak ayam turut berhadapan pelbagai cabaran dan birokrasi untuk meningkatkan pengeluaran seperti diperlukan pasaran, tetapi perlu melakukannya mengikut peraturan serta mengelak kerugian.

Tanpa memihak kepada penternak, cabaran utama pengusaha ternakan ayam adalah kenaikan harga dedak kini mencecah RM130 bagi per beg 50 kilogram berbanding sebelum ini cuma antara RM80 ke RM90.

Bahan dedak yang 70 peratus daripadanya cam-

puran jagung bijirin dan kacang soya adalah diimport sepenuhnya dari luar negara sebelum proses penghasilannya dibuat di kawasan industri Pelabuhan Klang.

Suka atau tidak, dedak tetap diperlukan penternak ayam kerana ia sumber tenaga dan protein utama kepada anak ayam yang memerlukan masa 30 hari dalam proses tumbesaran sebelum dapat dijual.

Penternak ayam turut berhadapan masalah kekurangan tenaga kerja berikutan kemasukan pekerja asing masih dilakukan berperingkat dengan keutamaan diberikan kepada sektor perladangan dan perindustrian.

Akibatnya, bilangan pekerja di ladang tidak mencukupi hingga dihabiskan seorang pekerja di ladang terpaksa menjaga lebih 50,000 ekor ayam selain perlu melakukan pelbagai pekerjaan, termasuk memastikan kebersihan reban.

Ini semua memberi kesan kepada pengeluaran ayam kerana penternak tahu kemampuan mereka mengeluarkan ayam dan tidak boleh meningkatkan jumlah ternakan tanpa memiliki tenaga kerja mencukupi.

Ketika isu bekalan ayam tidak mencukupi, timbul pula laporan berkaitan kekurangan bekalan ikan menurun hingga 70 peratus di utara Semenanjung apabila hanya 300,000 tan ikan didaratkan sejak dua bulan lalu, berbanding kebiasaan lebih satu juta tan.

Walaupun, Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan pengusaha bot nelayan swasta masih menyimpan bekalan ikan lebih 200 tan ketika ini, jumlah itu hanya mampu menampung permintaan pasaran bagi tempoh kurang 20 hari.

Kekurangan bekalan hasil laut ini boleh dikaitkan masalah pencemaran dan kegiatan menangkap ikan menggunakan bubu naga yang mampu mengaut apa sahaja, termasuk ikan kecil.

Berkongsi perasaan kecewa, Pengerusi Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (JARING), Che Ani Mat Zain menjelaskan penggunaan bubu naga bukan sahaja me-

musnahkan ekosistem laut, bahkan 'membunuh' kira-kira 60,000 nelayan pantai.

Penggunaan bubu naga dalam tempoh panjang akan merosakkan kawasan pesisir pantai yang menjadi tempat pembiakan ikan, ketam dan siput hingga semakin sukar ditemui nelayan pantai.

Sudah puluhan tahun, JARING mendesak pihak berkuasa meningkatkan penguatkuasaan, terutama ke atas nelayan asing menggunakan bubu naga, namun pencerobohan dan penggunaan alat itu masih berlaku.

Jika dalam tempoh 20 tahun, penggunaan bubu naga tidak dikawal dan usaha menggalakkan pembalakan anak ikan di kawasan pesisir tidak dilakukan, tidak mustahil sumber rezeki nelayan pantai itu pupus.

Ini sudah dapat dilihat di Teluk Nipah, Kuala Muda, baru-baru ini, apabila kegiatan menambak laut tanpa kelulusan dilakukan pengusaha pelancongan menyebabkan pencemaran serius.

Dengan apa berlaku ketika ini, pengurusan industri pengeluaran makanan negara perlu diteliti bagi mengelak krisis makanan berulang kerana ia boleh diumpama bom masa yang mampu meledak bila-bila masa.



Isu telur ayam tiruan

## Ujian Jabatan Kimia sahkan ada DNA ayam

Pemeriksaan susulan aduan pengguna dakwa tekstur liat

Oleh Muhaamad Haffis Nawawi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jabatan Kimia mengesahkan, pemeriksaan oleh jabatan itu terhadap semua sampel telur ayam yang sebelum ini didakwa tiruan, mengandungi DNA ayam dan adalah telur tulen.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan

Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin, berkata pada 16 April lalu, pihaknya menerima aduan daripada seorang pengguna mendakwa telur ayam yang dibelinya dari sebuah kedai barangan keperluan membuat kek dan roti di Petaling Jaya, disyaki tiruan berdasarkan teksturnya yang liat umpama getah dan rasanya yang berlainan.

Beliau berkata, susulan aduan itu, sepasukan pegawai penguat kuasa KPDNHEP menjalankan siasatan mengikut peruntukan undang Seksyen 5(1) (a) Akta Perihal Dagangan 2011. "KPDNHEP Kuala Lumpur mendapatkan bantuan daripada pejabat KPDNHEP untuk membuat pemeriksaan di premis yang diadakan.



Ariffin (kiri) ketika membuat pemantauan bekalan ayam di pasar raya, ST Rosyam Mart Setiawangsa, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

"Pemeriksaan turut dijalankan di premis pembekal telur ayam dan hasil pemeriksaan mengesahkan pembekal telur ayam itu ada membekalkan telur ayam kepada premis yang diadukan," katanya pada sidang media selepas membuat pemantauan bekalan ayam di pasar raya,

ST Rosyam Mart Setiawangsa, di sini semalam.

Ariffin berkata, semua telur ayam yang disita daripada pengadu dan dua rantaian pembekal berkaitan dihantar ke Jabatan Kimia bagi tujuan analisa. "Jabatan Kimia kemudian mengesahkan bahawa semua

sampel telur ayam yang dihantar mengandungi DNA ayam dan ia telur tulen.

"Pihak Kementerian mengaharapkan aduan yang disalurkan dan berharap orang ramai tidak perlu lagi risau atau panik berkenaan isu telur ayam tiruan," katanya.

## Bekalan ayam masih stabil, tidak terputus

**Kuala Lumpur:** Bekalan ayam di dalam kawasan Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masih stabil dan tidak terputus sepenuhnya walaupun terdapat pengurangan bekalan yang diterima melalui pembekal.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin, berkata pihaknya melaksanakan pemeriksaan secara berterusan dan berkala bagi memastikan bekalan ayam mencukupi di pasar awam, pasar raya dan kedai runcit di Kuala Lumpur sejak isu ini berlaku sehingga hari ini.

Beliau berkata, seramai 90 pegawai penguat kuasa serta 83 pegawai pemantau harga (PH) KPDNHEP Kuala Lumpur sentiasa menjalankan pemantauan dan pemeriksaan berkala meliputi pemborong serta pembekal utama, pasar awam, pasar raya dan kedai runcit.

"Sekiranya terdapat pasar raya atau peruncit yang tidak mempunyai bekalan melalui pemeriksaan berkala, pegawai penguat kuasa dan PPH KPDNHEP akan mengenal pasti punca dan masalah bekalan yang timbul, tindakan segera akan diambil supaya bekalan dapat dipulihkan.

"KPDNHEP juga sentiasa memantau bekalan ayam dan telur

ayam melalui 55 Kedai Runcit Terpilih yang dilantik dijadikan peruncit petunjuk (Dedicated-Retailer (DDR)," katanya pada sidang media selepas membuat pemantauan bekalan ayam di ST Rosyam Mart Setiawangsa, di sini semalam.

Ariffin berkata, premis terabit dijadikan penanda aras keberadaan bekalan semasa di seluruh Parlimen di Kuala Lumpur.

"Semalam (Kelmarin) jumlah bekalan ayam yang dilaporkan adalah berjumlah 37,619 kilogram (kg).

"Hasil pemantauan yang dilakukan di seluruh Parlimen di Kuala Lumpur juga mendapati bekalan ayam masih stabil dan tidak terputus sepenuhnya walaupun terdapat pengurangan bekalan

diterima melalui pembekal.

"Bekalan telur juga menunjukkan jumlah peningkatan dan trend sama semalam (kelmarin) iaitu jumlah stok semasa adalah sebanyak 766,595 biji pelbagai gred.

"Kementerian juga melaksanakan Penentuan Harga Maksimum Ayam Dan Telur yang dikawal harga maksimum borong dan runcit sebagai langkah membendung kenaikan harga dan pada masa sama menstabilkan harga barangan itu," katanya.

Di Kota Kinabalu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah, Georgie Abas, menasihatkan orang ramai tidak melakukan pembelian panik ayam kerana bekalan ayam mentah sedia ada



Tinjauan di Kuala Lumpur, semalam mendapati bekalan ayam masih stabil. (Foto Aswadi Alias/BH)

mencukupi. Khususnya menjelang sambutan Pesta Kaamatan pada hari ini dan Selasa.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan di pelbagai peringkat, termasuk peruncit dan pemborong di negeri itu mendapati bekalan daging ayam masih mudah diperolehi di pasar utama, pasar raya dan kedai runcit.

"Di Sabah, penternak ayam tempatan dan pembekal masih mampu menampung bekalan untuk pasaran tempatan.

"Terdapat 19 penternak ayam pedaging utama yang boleh mengeluarkan sebanyak tiga juta ekor ayam sebulan," katanya dalam kenyataan, semalam. Georgie berkata, berdasarkan

laporan harian, purata ayam disembelih dalam tempoh sebulan dianggarkan sebanyak tiga juta ekor iaitu purata 100,000 ekor ayam sehari.

"Bekalan ayam yang dihantar ke pasar raya utama di Sabah pula adalah sebanyak 100 hingga 300 ekor ayam sehari.

"Memandangkan permintaan ke atas kecap ayam meningkat pada musim perayaan di Sabah, maka kerajaan melalui KPDNHEP menyenaraikan kecap ayam sebagai barang harga terkawal di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Pesta Kaamatan berkuat kuasa pada 27 Mei lalu hingga 2 Jun depan," katanya.

Memandangkan permintaan ke atas kecap ayam meningkat pada musim perayaan di Sabah, maka kerajaan melalui KPDNHEP menyenaraikan kecap ayam sebagai barang harga terkawal di bawah SHMMP Pesta Kaamatan berkuat kuasa pada 27 Mei lalu hingga 2 Jun depan



Georgie Abas, Pengarah KPDNHEP Sabah

## Charities also hit hard by price hikes

By VENESA DEVI  
venesa@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** The increase in the price of essentials and other goods has not only affected the lives of the public but also non-governmental organisations (NGOs) that provide aid to those in need.

Free market Johor coordinator Zaharah Raishan Mohd Yassin said she had to cut down the number of goods she provided to the underprivileged by about 25% to 30% due to the hike in the price of goods.

"Every three or four months, our NGO will organise an event where we provide basic needs such as flour, chicken, vegetables, dry food and cooking oil to the B40 (low-income) group for free.

"However, with the increase in the price of goods, we can no longer provide the same amount of such items to those in need," she told *The Star*.

She added that the list of essential goods the NGO could provide was shorter these days.

"We can no longer get supplies of chicken, eggs and flour, and even if we could, the prices are too expensive for us to afford," Zaharah Raishan said.

Yayasan Suria Johor Baru found-



**Helping hand:** Families in need of assistance picking up basic necessities at the free market event in Johor Baru.

er and secretary James Ho said his NGO had been getting more calls for help from the public.

"We can see that the increasing cost of living has made it more difficult for people to get by. Lately, we have been getting more calls from the public for basic goods.

"We are able to attend to these calls at the moment. However, if the situation persists, we may have to reduce the amount of food we provide to these families," he added.

He said at least 40 families were receiving about RM150 worth of basic needs from his NGO on a monthly basis.

"This does not include other one-off assistance we provide to those in need, including those who call us for help," he said.

Insane Kasih (I-Kasih) head Zuraini Tahir said that NGOs were also receiving fewer donations, both in cash and in kind, from the

public as many were also affected by the price hike.

"With fewer donations, we have no choice but to cut down the amount of aid to be distributed to those in need. We have reduced such assistance significantly, by about 60% to 70%," he added.

Pusat Kebajikan Calvary volunteer Boey Wong Wah said that despite receiving fewer donations, the NGO was able to continue providing aid to some 600 people, including those in the 27 charity homes under its care.

"We have been receiving fewer donations lately and as such, we need to be very mindful in our spending to ensure that we can still help as many people as possible.

"For now, we are still able to cope with the situation and we are very grateful to those who continue to support (us) to provide relief to the underprivileged," he said.

## Ample supply of chicken for Kaamatan celebrations

By MUGUNTAN VANAR  
vmugu@thestar.com.my

**KOTA KINABALU:** There is more than enough supply of fresh chicken to meet the demand for the two-day Pesta Kaamatan celebrations beginning today, say enforcement officials.

Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry officers monitoring the fresh chicken supply situation in the state said that based on checks with retailers and wholesalers, supplies of fresh chicken were easily available at major markets, supermarkets and grocery stores.

Inspection and monitoring of chicken supply including other basic necessities were done on a daily basis by the ministry's personnel, its state director Georgie Abas said yesterday.

He said fresh chickens were being sold at reasonable prices and there was no need for consumers to resort to panic buying.

For Sabah, he said local poultry farmers and suppliers were still able to meet the supply in the local markets unlike the situation in Peninsular Malaysia.

Georgie added that an average of 100 to 300 fresh chickens were being supplied to major supermar-

kets in the state daily.

There are 19 major broiler farmers that can produce as many as three million chickens a month," he said, adding that there was an average supply of 100,000 chickens daily in the market.

Given the increasing demand for chicken wings during the festive season in Sabah, he said the state government had listed chicken wings as a controlled price item under the Kaamatan Festival Maximum Price Scheme from May 27 to June 2.

Georgie also said that the state government was enforcing the Maximum Price Determination for Poultry and Chicken Eggs (PHMAT) from Feb 5 to June 5.

He said 58 cases had been lodged against traders in the state for failing to comply with PHMAT since Feb 5.

Three of the offenders were caught selling controlled items above the maximum price set. 51 cases involved the failure to use a special pink price tag and four other cases involved traders failing to display prices.

Georgie also said that enforcement officers seized RM11,949 worth of goods while offenders were issued compound notices totalling RM9,200.



